

BAB DUA

BAB DUA

KADAR *MUT'AH* DAN HIKMAH PENSYARIATANNYA

2.1 PENDAHULUAN

Jumhūr fuqahā' bersependapat bahawa pihak isteri berhak apabila diceraikan oleh suami tanpa sebab yang patut atau munasabah untuk mendapatkan bayaran saguhati atau pampasan iaitu *mut'ah*¹. Walau bagaimana pun, mereka berbeza pendapat mengenai hukum *mut'ah* sama ada wajib atau sunat serta penaksiran dari segi jumlahnya. Mengenai persoalan hukum, ianya telah dibincangkan dalam bab yang lalu. Sehubungan dengan itu, kajian dalam bab ini cuba menyorot apakah asas-asas yang di ambil dan sebab-sebab berlakunya perbezaan pendapat oleh para *ulama' fiqh* dalam membuat penaksiran jumlah tersebut sama ada dari segi maksima mahupun minimanya.

Bab ini juga membicarakan persoalan *mut'ah* dari sudut hak iaitu adakah semua isteri yang diceraikan itu berhak ke atas *mut'ah* atau hanya kepada isteri yang diceraikan dengan cara tertentu sahaja ?. Selain itu, turut dibincangkan

apakah hikmah-hikmah di sebalik pensyariatannya sama ada kepada pihak suami mahu pun kepada pihak isteri.

2.2 KADAR *MUT 'AH*

Kadar *mut'ah* tidak ditetapkan dengan khusus sama ada di dalam al-Quran mahupun al-Hadith. Penentuan kadar dan prinsip yang menentukan jumlah *mut'ah* tersebut hanyalah diasaskan kepada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Tidak ada sesuatu pun (*mahr*) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan *mahmya*. Dan hendaklah kamu memberi suatu (pemberian) *mut'ah* kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula) iaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan”.

(Surah al-Baqarah: 236)

Menurut Imam Mālik bin Anas, ayat di atas menjadi bukti bahawa Allah s.w.t tidak menetapkan *mut'ah* dengan nilai atau kadar yang tertentu². Ia hanya dinyatakan secara umum sahaja iaitu mengikut keadaan suami sama ada seorang yang miskin atau kaya. Sekiranya suami itu kaya maka kadarnya hendaklah bersesuaian dengan kekayaannya itu. Sebaliknya bagi suami yang miskin, kadar *mut'ah*nya memadai sahaja kemampuannya sahaja. Allah s.w.t tidak mentaklifkan suami dengan pemberian yang di luar kemampuannya.

Ini bermakna kadar *mut'ah* yang harus di beri tidak ditetapkan oleh Hukum Syarak tetapi dibiarkan mengikut keadaan semasa sesuatu tempat. Oleh sebab itu, dalam masalah ini, ia memerlukan kepada *ijtihad*³.

Naş yang paling jelas berkenaan dengan kadar atau jumlah pembayaran *mut'ah* ini boleh diperolehi daripada sebuah hadith Rasulullah s.'a.w, sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Ā'isyah r.'a. yang bermaksud:

Bahawa Amrah binti al-Jā'un telah *ta'awwudh* daripada Rasulullah s.'a.w tatkala beliau di bawa masuk menemui baginda (selepas kahwin), dengan berkata: "Aku minta berlindung dengan Allah darimu". maka Rasulullah s.'a.w pun bersabda: "Sesungguhnya engkau telah *ta'awwudh* kepada Allah yang di minta perlindungan". Kemudian baginda menceraikannya dan menyuruh Usāmah agar mengirimkan *mut'ah* (barang untuk menyenangkankannya) dengan tiga helai kain⁴.

Berdasarkan kepada hadith di atas, Rasulullah s.'a.w hanya memberikan tiga helai kain sahaja kepada isteri yang diceraikannya. Walau bagaimanapun dapat difahami daripada maksud hadith di atas bahawa Jumlah tersebut tidaklah bermaksud kadar *mut'ah* yang wajib atau yang minima mahupun yang maksima tetapi ia adalah satu pernyataan bahawa setiap isteri yang di cerai mestilah disertakan dengan *mut'ah* iaitu mengikut sekadar kemampuan masing-masing. Tidak ada ukuran yang mutlak atau *dalīl qat'i* berhubung dengan kadar *mut'ah*. Umpamanya, diriwayatkan daripada al-Dāraquthnī daripada Suwaid bin al-Ghafflah bahawa Syaidina Hasan bin 'Alī ketika menceraikan salah seorang isterinya iaitu 'Ā'isyah al-Khats'amiyah dengan

ṭalāq tiga telah mengirimkan wang *mut'ah* yang agak besar iaitu berjumlah 10,00.00 dirham beserta baki maskahwin yang belum di bayar. Ketika menerima wang tersebut, 'Āisyah dengan nada sayu berkata: "Wang ini hanya sedikit dari seorang kekasih yang terpaksa berpisah"⁵. Apabila ucapan tersebut sampai ke pengetahuan Syaidina Ḥasan, dia pun sangat bersedih dan menangis seraya berkata: "Seandainya aku tidak menjatuhkan *ṭalāq bā'in*, nescaya dia akan aku rujuk"⁶. Malah, diriwayatkan seorang lagi cucu Rasulullah s.'a.w iaitu syaidina Ḥusin pernah mengirimkan wang *mut'ah* sebanyak 20,00.00 dirham kepada isteri yang diceraikannya⁷. Manakala, Syurayḥ pula dikatakan pernah memberikan wang *mut'ah* kepada isteri yang diceraikannya sebanyak 500 dirham⁸.

Ulamā' fiqh khilaf (berselisih pendapat) dalam mentaksirkan kadar minima dan maksima *mut'ah*. Imām Mālik berpendapat bahawa *mut'ah* tidak dibataskan kadarnya kepada had-had yang tertentu. Sekurang-kurang *mut'ah* ialah apa juga barang yang ada nilai dan tiada penentuan tentang kadar maksimumnya⁹. Kadar *mut'ah* hendaklah diberi berdasarkan kedudukan suami dari segi kaya miskinnya tanpa perlu merujuk kepada kedudukan isteri.¹⁰

Sebenarnya pandangan ini juga turut diutarakan oleh Imām al-Syāfi'ī dalam '*qaul jadīd*'¹¹ iaitu bagi orang yang mampu disunatkan *mut'ah* itu berupa seorang *khadam*, bagi golongan pertengahan, nilainya tidak kurang daripada tiga puluh

(30) dirham dan bagi golongan yang tidak mampu, terpulanglah sekadar kemampuannya sahaja.

Menurut Ibn al-Muhairiz, kadar *mut'ah* yang disunatkan ialah 30 dinar¹². Jika dibandingkan nilainya dengan mata wang sekarang, sudah tentu jumlah ini sangat tinggi. Tetapi, berdasarkan pendapat Ibnu 'Umar¹³, Imām Aḥmad bin Ḥanbāl¹⁴, Zakariyya al-Anṣarī dan al-Syirbinī yang bermazhab Syāfi'ī, kadar minima bagi *mut'ah* disunatkan tidak boleh kurang daripada 30 dirham. Manakala kadar maksimanya tidak boleh lebih daripada nilai seorang *khadam*¹⁵(orang suruhan).

Sungguhpun tidak terdapat sebarang *naṣ* (*dalīl naqli*) tentang kadar yang wajib di beri tetapi *fuqahā'* bersepakat bahawa terdapat dua prinsip berhubung dengan penentuan kadar *mut'ah* ini. Pertama, di lihat kepada kemampuan pihak suami serta berdasarkan nasab dan sifat isteri yang diceraikannya itu. Sekiranya suami terdiri daripada golongan berharta dan berpendapatan tinggi, maka tinggilah nilai *mut'ahnya* itu sehingga ia boleh berupa seorang hamba suruhan (*khadam*) atau nilai yang setara dengannya. Andainya suami terdiri daripada golongan pertengahan iaitu tidak kaya dan tidak pula miskin (*middle class*), maka kadar *mut'ahnya* cukuplah yang sederhana sahaja seperti sepersalinan pakaian¹⁶ yang menutup aurat atau lain-lain yang senilai dengannya. Jika *mut'ah* berupa pakaian maka ia mestilah pakaian yang lengkap bagi seorang wanita yang lazim di pakai ketika keluar rumah¹⁷. Menurut mazhab Ḥanbālī, pakaian

tersebut hendaklah yang boleh di bawa sembahyang dan jika pihak suami mahu, dia boleh menambahkan kadar *mut'ahnya* itu dan jika pihak isteri setuju, maka kadar itu boleh dikurangkan¹⁸. Demikianlah juga pendapat Ibn al-'Abbās, 'Athā' dan al-Hassan¹⁹. Tetapi bagi mazhab Ḥanafī, nilai pakaian tersebut atau lain-lain mestilah tidak melebihi daripada separuh *maḥr* yang munasabah atau *maḥr al-mithl* walaupun suami itu seorang yang kaya²⁰. Seterusnya, jika pihak suami tergolong dari kalangan orang miskin, maka kadar *mut'ahnya* itu cukuplah sekadar kemampuannya sahaja. Walau bagaimanapun, bagi mazhab Ḥanafī, kadar *mut'ah* yang paling minima mestilah tidak kurang daripada lima (5) dirham²¹. Alasannya ialah nilai maskahwin (*maḥr*) yang paling rendah ialah sepuluh (10) dirham. Oleh sebab itu sekurang-kurangnya kadar *mut'ah* mestilah separuh daripada jumlah tersebut.

Kedua, kembali kepada penentuan Hakim kerana ia memerlukan ijtihad²². Apabila berlaku perbalahan, Hakim mestilah menentukan kadarnya berdasarkan keadaan kedua-dua pihak suami dan isteri. Penentuan kadar *mut'ah* di ukur berdasarkan kepada kemampuan pihak suami dan nasab serta sifat isteri. Keputusan Hakim hendaklah adil dengan mengambilkira keadaan kedua-dua belah pihak. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kitāb l'ānat al-Tālibīn;

"Sekiranya kedua-dua (suami isteri) tidak bersefahaman tentang kadar bayaran *mut'ah*, Hakim hendaklah menilaikannya mengikut kewangan suami dan keturunan serta sifat isteri".²³

Prinsip yang sama juga turut dinyatakan dalam kitab-kitab *fiqh* yang lain seperti kitāb Fath al-Wahhāb²⁴, al-Mughnī²⁵ dan Kifāyat al-Akhyār²⁶.

Umpamanya dalam kitāb Mughnī al-Muhtāj ada disebutkan bahawa:

“Apabila bertelingkah kedua-dua pihak tentang kadar (jumlah), maka Hakim hendaklah menentukannya. Mengikut budi bicaranya dan mengambil kira apa-apa yang sesuai dengan keadaan kedua-duanya baik dari sudut kekayaannya mahupun keturunan dan sifatnya”.²⁷

Sebagai kesimpulan, apabila dibandingkan *naṣ-naṣ* yang terdapat di dalam al-Quran, al-Hadith dan ijtihad para *fuqahā'*, dapat disimpulkan bahawa kadar *mut'ah* tidak ditentukan secara jelas dan mutlak oleh mana-mana ayat al-Quran atau al-hadith. Oleh itu, kadar yang paling ideal ialah jumlah dipersetujui atau diredai oleh kedua-dua pihak.

Andainya persetujuan tidak dicapai, Hakim berkuasa menentukannya sendiri berdasarkan ijtihad dengan mengambilkira empat perkara berikut:

- I. Kemampuan suami (kaya atau miskin).
- II. Keadaan keluarga (keturunan) isteri.
- III. Sifat (perwatakan) isteri.
- IV. Kepuashatian Hakim (mahkamah) bahawa jumlah itu “wajar dan patut” mengikut Hukum Syarak.

Kemampuan suami (kaya atau miskin) ialah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan. Manakala, sifat ialah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat.

2.3 HAK *MUT'AH*

Isteri mempunyai hak *mut'ah* apabila terjadi perceraian yang disebabkan oleh pihak suami seperti perceraian melalui *ṭalāq*, *li'an*, *ila'* atau suami mati pucuk atau tiada alat kelamin, murtad atau enggan memeluk Islam. Hal ini telah disepakati oleh *jumhūr fuqahā'*. Hanya ulama' mazhab Māliki sahaja yang berpendapat hukum *mut'ah* itu sunat²⁸. Sedangkan menurut pendapat yang *azhar* dalam mazhab al-Syāfi'ī, menyatakan bahawa *mut'ah* itu diwajibkan kepada semua isteri yang diceraikan sama ada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh²⁹ kecuali pendapatnya pada '*qaul qadīm*' yang menyatakan bahawa isteri yang diceraikan setelah disetubuhi tidak wajib diberikan *mut'ah* oleh suami yang menceraikannya kerana isteri tersebut telah mendapat semua maskahwin³⁰. Bahkan, menurut pendapat *ulamā' salaf* seperti Syaidina 'Alī bin Abū Ṭalīb, 'Abd Allah bin 'Umar, Ḥassan al-Baṣrī, Sa'īd bin Jubair, Abū Qilābah, al-Zuhri,³¹ ulama' mazhab al-Zāhiri³², al-Ja'fari³³ dan lain-lain menyatakan bahawa *mut'ah* tetap wajib ditunaikan walaupun isteri tersebut telah ditentukan maskahwinnya dan pendapat inilah yang dirasakan lebih sahih serta menepati kehendak Hukum Syarak. Maka, dalam konteks ini suami mestilah menunaikan

mut'ah terhadap isteri yang diceraikan itu. Sebaik-baiknya ia diselesaikan secara *musyāwarah* oleh kedua-dua belah pihak. Tetapi sekiranya hak itu diabaikan, suami tersebut dikira berdosa dan Hakim berhak memaksanya apabila didakwa ke Mahkamah.

Fuqahā' berbeza pendapat dalam menetapkan hukum sama ada isteri dari kalangan wanita hamba juga berhak ke atas *mut'ah*. Adakah haknya sama dengan wanita yang merdeka atau sebaliknya?. Menurut al-Auzā'i dan al-Thawrī, sara hidup seseorang hamba seperti nafkah dan barang keperluan harian di tanggung oleh tuannya. Oleh itu mereka tidak wajib diberikan *mut'ah*. Alasannya ialah kerana mereka tidak memerlukan harta *mut'ah* tersebut³⁴ untuk menyara hidup. Walau bagaimanapun, terdapat *fuqahā'* yang berpendapat sebaliknya, iaitu suami wajib memberikan *mut'ah* terhadap isteri-isteri yang diceraikannya sama ada isterinya itu wanita merdeka atau hamba. Umpamanya dalam kitab *l'ānat al-Tālibīn*, pandangan ini jelas dapat dilihat dalam perenggan yang berbunyi:

"Wajib ke atas suami membayar *mut'ah* kepada isteri yang sudah di sentuh walaupun ianya (isteri) itu seorang hamba (amah) dengan sebab berlaku perceraian yang bukan dari pihaknya dan perceraian yang bukan kerana kematian salah seorang daripada keduanya".

2.3.1 ISTERI YANG BERHAK MENDAPAT *MUT'AH*

Apabila terjadi perceraian, setiap isteri yang di cerai pada dasarnya berhak ke atas *mut'ah*. Sekiranya pihak suami enggan menunaikannya atau pihak isteri tidak berpuashati dengan jumlah *mut'ah* yang diberi oleh pihak suami maka dia boleh membuat tuntutan tersebut ke Mahkamah. Pihak suami wajib memberikan *mut'ah* kepada isteri yang di cerai berdasarkan lafaz perintah (*sighah amr*) pada perkataan '*matti'ūhunna*' dalam surah al-Baqarah, ayat 241. Walau bagaimanapun, hukum 'wajib' tersebut bergantung kepada bagaimana sesuatu perceraian itu terjadi.

Isteri yang berhak ke atas *mut'ah* ialah isteri yang diceraikan oleh suaminya tanpa sebab atau dengan sebab yang bukan datang dari dirinya atau pihak dirinya sendiri³⁵. Dalam lain perkataan, perpisahan itu terjadi disebabkan oleh suami sama ada melalui perceraian secara *ṭalāq*, *fasakh*, *li'an* dan *ila'*. Pihak isteri juga berhak mendapat *mut'ah* walaupun *ṭalāq* telah ditafwidkan (diserahkan) kepada isteri seperti cerai *ta'lik*³⁶. Berikut adalah antara keadaan isteri yang diceraikan dan berhak ke atas *mut'ah*, iaitu:

- i. Isteri yang diceraikan oleh suami sebelum berlaku perhubungan jenis diantara mereka sepanjang usia perkahwinan tersebut dan

sama ada telah ditentukan maskahwinnya atau belum ditetapkan lagi. Sekiranya maskahwin telah ditetapkan, nilai *mut'ah*nya adalah separuh daripada nilai maskahwin tersebut. Menurut *jumhūr fuqahā'* dan berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Baqarah, ayat 237, pemberian *mut'ah* dalam konteks ini adalah wajib hukumnya³⁷.

- ii. Isteri yang diceraikan oleh suami setelah berlakunya perhubungan jenis³⁸ di antara suami isteri walaupun sekali sepanjang usia perkahwinan mereka dan sama ada telah ditentukan maskahwinnya atau belum. *Fuqahā'* berbeza pendapat di dalam menetapkan hukum *mut'ah* berdasarkan perceraian seperti ini. Sebahagian *fuqahā'* yang terdiri daripada ulama' mazhab al-Syāfi'ī dan ulama' mazhab al-Zāhiri berpendapat, hukum *mut'ah* tersebut adalah wajib. Kewajiban ini turut dinyatakan di dalam kitab-kitab *fiqh* yang lain. Umpamanya di dalam kitāb l'ānat al-Tālibīn menyatakan bahawa:

"Wajib ke atas suami membayar *mut'ah* kepada isteri yang sudah disentuh walaupun ia adalah seorang hamba, dengan sebab berlaku perceraian yang bukan dari pihaknya dan perceraian yang bukan kerana kematian salah seorang daripada kedua mereka".³⁹

- iii. Isteri yang bercerai kerana tebus *ṭalāq* juga berhak menerima *mut'ah*. Alasannya ialah perceraian melalui tebus *ṭalāq* juga

dianggap sama dengan perceraian melalui *ṭalāq*. Misalnya, di dalam kitāb kifāyat al-Akhyār, dalam bab *mut'ah*, terdapat petikan yang menyatakan:

“Dan *khul'* itu seperti juga *ṭalāq* atas pendapat yang sah”.⁴⁰

- iv. Mereka yang bercerai akibat suami enggan memeluk Islam atau suami murtad.⁴¹ Namun demikian, di dalam keadaan ini sudah pastilah suami itu tidak termasuk orang yang bertakwa. Sedangkan *mut'ah* hanya sanggup ditunaikan oleh mereka yang bertakwa sahaja. Tetapi, sekiranya, suami yang masih kufur itu atau yang telah murtad itu memberikan *mut'ah*, maka mereka berhak menerimanya.
- v. Isteri yang *terfasakh* dengan suaminya gara-gara perbuatan sumbang yang dilakukan oleh suaminya itu.⁴² Umpamanya suami melakukan perbuatan sumbang dengan salah seorang ahli keluarga isteri seperti berzina dengan adik ipar atau emak saudara isteri. Perbuatan itu menyebabkan perhubungan suami isteri menjadi haram buat selama-lamanya. Oleh kerana ia bukan kesilapan isteri sebaliknya datang daripada suami, maka dia layak dan berhak menerima *mut'ah*.

Demikianlah diantara beberapa golongan isteri yang diceraikan dan berhak menerima *mut'ah*. Keadaan ini bererti *mut'ah* diwajibkan bagi perceraian sama ada sebelum atau sesudah berlakunya hubungan kelamin semasa perkahwinan dan selagi perpisahan tersebut bukan disebabkan oleh isteri atau pihaknya. Selain itu, perceraian melalui *ṭalāq* juga tidak menjejaskan hak mereka terhadap *mut'ah* kecuali golongan tertentu sahaja seperti yang telah dinyatakan itu tadi.

2.3.2 ISTERI YANG GUGUR HAK *MUT'AH*

Tidak semua wanita yang bercerai mempunyai hak *mut'ah*. Hanya isteri yang diceraikan oleh suaminya tanpa sebab-sebab yang dibenarkan oleh Hukum Syarak sahaja berhak ke atas *mut'ah*. Tetapi, sekiranya perceraian terjadi kerana kematian suami⁴³ atau disebabkan oleh pihak isteri atau oleh kedua-dua belah pihak seperti murtad, memeluk Islam atau difasakhkan oleh sebab 'aib (*'unah*) dipihak isterinya, maka hak *mut'ah* tersebut akan gugur⁴⁴ walaupun perpisahan itu terjadi melalui cerai *ṭalāq*. Antara keaiban tersebut yang boleh menjejaskan perkahwinan dan hak *mut'ah* ialah mengidap penyakit-penyakit yang berbahaya seperti gila, H.I.V. positif, sifilis dan lain-lain. Alasannya, suami tidak mendapat sebarang manfaat hasil daripada perkahwinan tersebut malah

lebih memudaratkan dirinya lagi. Justeru itu, adalah wajar isteri yang diceraikan itu tidak memperolehi hak *mut'ah* daripada dirinya. Malahan, dalam konteks ini, bagi isteri yang di *ṭalāq* atau difasakhkan perkahwinan kerana aibnya dan belum berlaku perisetubuhan, dia masih berhak mendapat separuh daripada maskahwin. Manakala bagi isteri yang telah berlaku hubungan kelamin, dia berhak mendapat maskahwin yang sempurna meskipun terdapat 'aib dipihaknya. Maka atas dasar tersebutlah dia tidak berhak mendapat *mut'ah*.

Isteri yang diceraikan oleh suaminya kerana melakukan perbuatan sumbang juga tidak berhak menerima *mut'ah*.⁴⁵ Perbuatan sumbang tersebut termasuklah melakukan perbuatan zina atau berkhawat sama ada dengan orang lain atau dengan mahram suaminya seperti adik ipar, bapa mentua dan lain-lain. Terhadap isteri yang melakukan perbuatan sumbang ini, suami tidak wajib menunaikan *mut'ah* malahan digalakkan pula menceraikannya. Walaupun tiada saksi, isteri boleh diceraikan dengan cara *li'an* iaitu tuduhan dengan mengangkat sumpah. Misalnya seorang suami menuduh isterinya berzina tetapi tidak dapat mengajukan empat orang saksi. Oleh itu dia boleh melakukan *li'an*⁴⁶ iaitu dengan cara mengangkat sumpah empat kali di depan Hakim bahawa dia benar dalam tuduhannya itu. Akibat *li'an*, mereka secara tidak langsung telah bercerai *bā'in* dan isteri tidak berhak menerima *mut'ah*.⁴⁷

Hak *mut'ah* juga gugur ke atas lelaki yang bercerai dengan cara *fasakh*.⁴⁸ Menurut Ibnu Syu'bān, seorang ulama' mazhab Māliki, hak tersebut gugur

kerana wanita itu sendiri yang memilih untuk bercerai. Walau bagaimanapun, menurut al-Tirmidhī, 'Aṭā' dan al-Nakhā'i, *fasakh* tidak menjejaskan hak isteri terhadap *mut'ah*⁴⁹. Adalah jelas bahawa perceraian melalui cara *fasakh* iaitu isteri yang meminta supaya sesuatu perkahwinan itu dibubarkan. Misalnya seorang isteri meminta sama ada kepada suaminya atau kepada Hakim supaya perkahwinan mereka *difasakhkan* kerana sebab-sebab yang tertentu seperti suami tidak mampu menunaikan nafkah batin kerana mati pucuk, tidak mampu membayar maskahwin kerana miskin atau kerana terdapat keaiban-keaiban suaminya yang lain. Menurut mazhab Māliki, Syāfi'i, dan Ḥanbālī, apa yang dimaksudkan dengan keaiban ialah segala jenis penyakit yang dialami dan boleh menjejaskan perhubungan jenis antara mereka atau boleh berjangkit kepada isteri dan janin⁵⁰. Alasan lain yang dibenarkan *fasakh* ialah jika berlaku kemudaratan dalam rumahtangga. Kemudaratan yang dimaksudkan adalah kemudaratan kepada lima perkara iaitu agama, diri, keturunan, harta dan akal (maruah)⁵¹.

Mengenai suami yang miskin, isteri tidak berhak menuntut *mut'ah* kerana kemiskinan suaminya itu telah memberi hak kepadanya untuk menghindari kemudaratan iaitu bebas daripada ikatan perkahwinan⁵². Walau bagaimanapun, terhadap isteri yang *terfasakh* perkahwinannya kerana didapati saudara sesusuan dengan suaminya, isteri tersebut tetap berhak ke atas *mut'ah* kerana masalah tersebut disebabkan oleh orang lain dan bukannya disebabkan oleh isteri tersebut⁵³.

Faktor *kufu*⁵⁴ juga turut menentukan sama ada seseorang isteri yang diceraikan itu berhak atau tidak mendapat *mut'ah*. Apa yang dimaksudkan dengan *kufu* ialah suami tidak setaraf dengan isterinya sama ada dari segi harta, akhlak, pangkat, pendidikan, kedudukan status dalam masyarakat dan sebagainya. Isteri boleh meminta cerai daripada suaminya dengan alasan tidak sekufu. Walau bagaimanapun, hak terhadap *mut'ah* akan gugur secara automatik dengan perceraian tersebut. Keadaan yang sama juga berlaku, sekiranya seorang perempuan yang telah dikahwinkan oleh walinya semasa beliau masih kecil iaitu sebelum baligh dengan seorang lelaki yang tidak sekufu sebagai suaminya. Setelah dewasa dan sebelum berlaku sebarang perhubungan jenis dengan suaminya itu, beliau boleh membuat permohonan supaya perkahwinan tersebut *difasakhkan*.

Menurut ulama' mazhab Hanafi, melalui perceraian sebegini juga, isteri tersebut tidak berhak menerima *mut'ah*.⁵⁵ Alasannya Isteri tidak berdukacita dengan perceraian tersebut sebaliknya bergembira kerana terlepas daripada ikatan perkahwinan seperti mana yang dikehendaki. Lantaran itu, adalah wajar gugur hak *mut'ah* di atas perceraian sebegini kerana tujuan *mut'ah* antara lain ialah pengubat kesedihan akibat berpisah dengan suami. Dalam ertikata yang lain, gugur hak *mut'ah* ke atas isteri yang diceraikan kerana sengaja sama ada secara langsung atau tidak langsung mendorong suami menceraikannya.

Lain-lain keadaan yang menyebabkan gugur hak *mut'ah* terhadap isteri ialah murtad.⁵⁶ Sekiranya isteri murtad, secara langsung suami yang masih Islam wajib berpisah dengan isterinya yang kafir itu. Oleh kerana perpisahan itu disebabkan oleh tindakan isteri, suami tidak wajib memberikan *mut'ah* kepadanya. Apatah lagi, isterinya itu sudah tidak beriman lagi maka, haknya terhadap *mut'ah* turut gugur dengan sendirinya. Begitu juga sekiranya kedua-dua pasangan itu murtad dan kemudiannya bercerai, maka isteri yang diceraikan itu juga tidak berhak menerima *mut'ah*. Alasannya, wanita bukan Islam tidak berhak mendapat *mut'ah*.

Golongan seterusnya yang tidak berhak mendapat *mut'ah* ialah isteri yang memeluk Islam sedangkan suaminya masih menganuti agama asal⁵⁷ seperti agama Hindu, Budha, Kristian dan sebagainya. Hak *mut'ah* hanya wujud terhadap suami yang beragama Islam sahaja. Tetapi, sekiranya suami yang memeluk Islam sedangkan isterinya itu enggan, hak terhadap *mut'ah* itu juga tetap gugur dan mereka wajib berpisah kerana berlainan anutan agama.

Demikianlah beberapa golongan isteri yang tidak berhak menerima *mut'ah* apabila diceraikan. Melihat kepada alasan-alasan yang dikemukakan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa golongan isteri yang diceraikan tetapi berhak menerima *mut'ah* ialah perceraian tersebut tidak disebabkan oleh mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung tetapi semata-mata kerana keinginan suami. Manakala, golongan isteri yang tidak berhak menerima *mut'ah* apabila

diceraikan ialah mereka yang memang menginginkan perceraian sama ada melalui *ṭalāq*, *fasakh* dan sebagainya. Dalam erti kata lain, perceraian tersebut tidak disebabkan oleh pihak suami tetapi disebabkan oleh pihak isteri.

2.4 HARTA *MUT'AH*

Islam memerintahkan kepada suami yang hendak menceraikan isteri supaya memperlakukannya dengan sebaik-baik cara. Maksud 'sebaik baik cara' ialah pihak suami mesti menunaikan hak-hak isteri yang diceraikannya itu seperti memberikan *mut'ah* dan sebagainya. Manakala, dari segi kadarnya pula sebagaimana yang telah dibincangkan, terpulanglah kepada kemampuan suami dan persetujuan daripada kedua-dua belah pihak. Arahan ini jelas sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran. Sekiranya terdapat pertelagahan, maka Hakim akan menentukan jumlah tersebut berdasarkan ijtihadnya.

Namun, tidak ada dalil naqli yang menerangkan secara jelas mengenai jenis-jenis harta yang boleh dijadikan *mut'ah*. *Fuqahā'* juga tidak membahaskan persoalan ini secara panjang lebar kerana jenis harta yang boleh di buat *mut'ah* samalah dengan jenis harta yang boleh dibuat maskahwin, *hibah* (hadiah), sedekah dan sebagainya. Dalam konteks ini harta tersebut mestilah halal dan

bermanfaat, sempurna milik iaitu harta tersebut memang sah dimiliki olehnya dan harta tersebut mestilah ada pada waktu tersebut.

Sebagaimana yang ditakrifkan, *mut'ah* ialah harta yang diberikan oleh suami kepada isteri yang telah diceraikan. Perkataan harta (*Māl*) yang dinyatakan disini adalah terlalu umum. Ia meliputi semua jenis harta sama ada harta yang berbentuk sementara seperti wang, pakaian dan makanan, harta kekal yang boleh di alih seperti kereta, kapal terbang dan lain-lain serta harta kekal yang tidak boleh di alih seperti tanah, rumah, saham, syarikat dan lain-lain. Oleh itu, setiap apa sahaja yang termasuk dalam jenis harta yang telah disebutkan itu tadi boleh dibuat *mut'ah*.

Terdapat juga lain-lain pendapat yang menetapkan hanya jenis-jenis harta tertentu sahaja yang boleh dibuat *mut'ah*. Umpamanya, al-Murtaḍā⁵⁸ mentakrifkan *mut'ah* sebagai manfaat, iaitu harta yang boleh memberi manfaat kepada isteri yang berbentuk sementara. Justeru itu harta yang berbentuk kekal sama ada yang boleh di alih atau yang tidak boleh di alih tidak boleh dibuat *mut'ah*. Manakala, menurut al-Bustanī pula, semua jenis harta boleh dibuat *mut'ah* kecuali emas dan perak.⁵⁹

Namun begitu, ketetapan ini hanyalah berdasarkan ijtihad semata-mata. Hakikatnya, tiada naṣ yang menetapkan sedemikian kecuali menyebutkan harta secara umum sahaja. Tambahan pula, harta yang boleh dibuat *mut'ah* adalah

sama seperti harta yang boleh dijadikan maskahwin, *hibah*, sedekah dan sebagainya.. Lantaran itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa semua jenis harta boleh dijadikan mut'ah asal sahaja harta tersebut adalah sesuatu yang halal, bermanfaat dan diperolehi daripada sumber yang halal juga.

3.5 HIKMAH *MUT 'AH*

Setiap hukum yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. pastilah mengandungi hikmah disebaliknya. Hanya keupayaan akal manusia sahaja yang terhad untuk memahami hikmah tersebut sepenuhnya. Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa berfikiran positif, tidak berputus asa dan percaya kepada rahmat Allah s.w.t di sebalik apa yang berlaku. *Mut'ah* juga ada mempunyai hikmah yang tertentu kerana maha suci Allah s.w.t daripada menjadikan tiap-tiap sesuatu itu dengan sia-sia.

Menurut Hamka, *mut'ah* ialah sejumlah wang pengubat hati⁶⁰ kerana bercerai. Isteri yang diceraikan sudah tentu berasa sangat sedih dan berdukacita kerana terpaksa berpisah setelah sekian lama hidup bersama. Kesedihan ini juga turut dikongsi oleh ibu bapa dan keluarga pihak yang diceraikan. Oleh itu, jika diceraikan dengan cara yang baik serta diiringkan dengan pemberian *mut'ah*, dapatlah ia meredakan sedikit kesedihan mereka.

Selain itu, semenjak dahulu lagi kaum wanita tidak dilayan dengan selayaknya sebagaimana kaum lelaki. Kedudukan sosial mereka di dalam masyarakat adalah jauh lebih rendah berbanding lelaki. Mereka juga tidak dihormati tetapi lebih di pandang sebagai alat pemuas nafsu lelaki sahaja. Setelah kedatangan Islam, barulah kedudukan wanita dimuliakan setaraf lelaki. Walau bagaimanapun, fungsi mereka nyata berbeza di antara satu sama lain. Oleh sebab itu, pemberian *mut'ah* selepas perceraian oleh suami terhadap isteri yang diceraikan adalah suatu penghormatan kepada kaum wanita. Jasa-jasa mereka terhadap suami sebelum ini tidak dilupakan dan pemberian *mut'ah* bolehlah dianggap sebagai penghargaan suami terhadap isteri yang diceraikannya itu.

Kajian menunjukkan dari segi praktiknya, jika perceraian berlaku, isteri yang diceraikan itulah yang selalu menjadi mangsa. Berbanding dengan bekas suami mereka, wanita ini terpaksa menanggung berlipat kali ganda lagi beban kesukaran akibat perceraian⁶¹. Apatah lagi sekiranya isteri yang diceraikan itu tidak bekerja dan bergantung kepada suaminya semata-mata. Dalam hal-hal tertentu, isteri yang diceraikan itu mungkin menjadi beban kepada masyarakat. Oleh itu, selain daripada dapat mengurangkan beban yang di tanggung oleh pihak isteri, *mut'ah* juga dapat mengurangkan masalah sosial yang mungkin timbul akibat daripada perceraian tersebut.

Lazimnya apabila terjadi sesuatu perceraian, masyarakat sering membuat tanggapan yang negatif khususnya kepada si isteri. Sebagaimana kata pepatah Melayu, "Kalau tiada angin masakan pokok bergoyang". Kesannya sangat dirasakan terutama oleh pihak isteri. Timbul perasaan seperti di hina serta rasa kecurigaan orang lain terhadap dirinya. Apatah lagi sekiranya pelbagai tohmahan akan dilemparkan seperti tidak berakhlak, tidak pandai melayan suami, curang dan sebagainya. Pada hal perceraian tersebut bukan disebabkan oleh isteri tetapi di atas kehendak suami semata-mata. Justeru itu, menerusi *mut'ah* dapat mengelakkan sangkaan buruk masyarakat terhadap seseorang isteri yang diceraikan. Secara tidak langsung juga isteri yang diceraikan itu terhindar daripada segala tohmahan dan fitnah yang tidak menyenangkan. Ia juga sebagai bukti bahawa perceraian itu memang disebabkan oleh pihak suami dan bukannya disebabkan oleh pihak isteri atau kerana kecacatan yang ada pada isteri.

Biasanya sesuatu yang sukar diperolehi lebih dihargai daripada sesuatu yang mudah didapati. Emas umpamanya lebih berharga daripada besi kerana ia lebih sukar diperolehi. Sifat ini adalah sesuatu yang normal dalam diri manusia. Begitu juga dengan *mut'ah*, suami akan berfikir panjang sekiranya hendak menceraikan isterinya. Bagi suami yang berkemampuan dari segi material, *mut'ah* mungkin tidak menimbulkan masalah tetapi bagi suami yang kurang berkemampuan, *mut'ah* mungkin menjadi penghalang untuk menceraikan isterinya dengan sewenang-wenangnya. Begitu juga dengan suami yang kaya

yang mana sejak akhir-akhir ini telah ada tuntutan *mut'ah* yang nilainya mencapai tahap jutaan ringgit yang mungkin dapat merumitkan sedikit perceraian daripada berlaku. Oleh itu hikmah daripada *mut'ah* ini, ianya sedikit sebanyak dapat menghindarkan dari berlakunya perceraian sesenang hati seperti menukar baju.

Akibat daripada perceraianya juga akan melahirkan emosi yang negatif.⁶² Oleh kerana perceraian terjadi disebabkan oleh suami maka kesan emosi yang ketara lahir daripada pihak isteri. Pelbagai persoalan yang timbul bermain dibenak seperti "Mengapa aku diceraikan?" Apa salahku", "Tidak cantikkah aku" dan sebagainya. Kesan daripada tekanan emosi akan menyebabkan berlaku kemurungan, kesepian, perasaan rendah diri dan sebagainya. Lantaran itu, dengan adanya *mut'ah* walaupun tidak dapat menghapuskan tekanan emosi sepenuhnya tetapi sedikit sebanyak dipercayai dapat meringankan bebanan isteri daripada memikirkan nasib diri dan masa depannya. Setidak-tidaknya untuk sementara waktu sebelum dia bekerja atau berkahwin dengan suami yang baru.

Hikmah *mut'ah* yang seterusnya ialah dapat mengelakkan diri berlakunya persengketaan. Memang tidak dapat dinafikan, perceraian ialah sesuatu yang tidak digalakkan. Ia adalah perkara halal yang paling dibenci oleh Allah s.w.t. Namun demikian, kadangkala institusi perkahwinan tidak dapat dikekalkan kerana sebab-sebab yang tertentu, lalu terjadi perceraian sebagai jalan

penyelesaian terakhir. Bagi mereka yang dapat menerima hakikat maka dia akan reda dengan perceraian tersebut. Tetapi sesetengah isteri tidak dapat menerima keadaan tersebut sehingga mencetuskan persengketaan. Malah, lebih teruk lagi jika persengketaan tersebut diturut serta oleh keluarga kedua-dua belah pihak. Akibatnya terjadi satu persengketaan yang hebat dan berpanjangan. Walhal Islam melarang umatnya bersengketa sesama sendiri. Oleh itu, apabila menerima pemberian *mut'ah*, mungkin tahap kemarahan isteri dan keluarganya dapat berkurangan sedikit. Melalui *mut'ah*, isteri tidak lagi terasa dianiaya dan akhirnya dapat menerima hakikat perceraian tersebut.

Selalunya, isteri yang mempunyai sumber pendapatan sendiri tidak terlalu merasai tekanan terutamanya dari segi ekonomi apabila dia diceraikan. Tetapi, bagi isteri yang tidak bekerja, perceraian bererti "patah dahan, tempat untuk berpaut". Kajian juga menunjukkan bahawa sama ada isteri yang diceraikan itu bekerja atau tidak, mereka memikul beban tanggungjawab yang lebih besar di dalam mendidik dan membesarkan anak-anak⁶³. Oleh itu, adalah wajar bagi suaminya menyediakan sesuatu sebagai asas kepada isteri yang diceraikannya itu bagi memulakan hidup baru. Menerusi *mut'ah*, isteri mungkin dapat menjadikannya sebagai satu modal untuk memulakan perniagaan atau sumber kewangan sementara sebelum mendapat pekerjaan yang sesuai atau sebelum berkahwin dengan suaminya yang baru.

Demikianlah diantara beberapa hikmah *mut'ah* yang dapat diungkapkan. Mungkin banyak lagi hikmah-hikmah *mut'ah* tersembunyi dan tidak dapat dipaparkan oleh penulis. Walaupun demikian, berdasarkan kepada beberapa hikmah *mut'ah* yang telah dinyatakan itu tadi dapat dibuat kesimpulan bahawa *mut'ah* dapat mencegah dari berlakunya perceraian yang berleluasa dan mengurangkan kesan buruk akibat daripada perceraian tersebut.

3.6 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, *mut'ah* memang jelas ada disyariatkan oleh Allah s.w.t. sebagaimana termaktub di dalam al-Quran dan al-Hadith. Namun, *fuqahā'* bercanggah pendapat di dalam menetapkan kadar *mut'ah* sama ada dari segi minima mahupun maksima. Sungguhpun Rasulullah s.'a.w pernah mengirimkan *mut'ah* iaitu sejumlah tiga helai kain kepada isteri yang diceraikannya tetapi baginda tidak menetapkan bahawa jumlah tersebut adalah sesuatu yang tetap dan mesti diikuti. Buktinya, cucunda baginda sendiri iaitu Syaidina Ḥasan bin 'Alī diriwayatkan pernah mengirimkan wang *mut'ah* kepada isteri yang diceraikannya berjumlah 10,00.00 dirham. Oleh itu, tiada nas yang jelas menetapkan jumlah *mut'ah* dengan kadar yang tertentu. Justeru itu, menurut Imām al-Syāfi'ī dalam masalah ini ia memerlukan ijtihad .

Namun demikian, dari segi prinsipnya, *fuqahā'* bersependapat bahawa kadar *mut'ah* mestilah diasaskan mengikut keadaan suami sama ada seorang yang miskin atau kaya. Sekiranya dia seorang yang berharta dan berkedudukan mulia dalam masyarakat maka kadar *mut'ahnya* hendaklah bersesuaian dengan kehartawanannya itu. Sebaliknya bagi suami yang sederhana maka kadar *mut'ahnya* memadai dengan kemampuannya sahaja. Sekiranya berlaku perbalahan dan tidak puas hati dengan jumlah yang tertentu, maka ia hendaklah dirujuk kepada Hakim.

Berdasarkan kepada naş al-Quran dan al-Hadith, setiap wanita yang diceraikan hendaklah di beri *mut'ah* jika perceraian itu disebabkan oleh suami. Tetapi sekiranya perpisahan itu disebabkan oleh isteri atau daripada pihak isteri maka isteri tidak berhak mendapat *mut'ah*.

Melihat dari aspek kemanusiaan dan rasional, *mut'ah* mempunyai hikmah-hikmah yang tertentu. Ia sarat dengan nilai kejiwaan dan cenderung kepada keadilan. Sekiranya suami hendak menceraikan isterinya, ia hendaklah dilakukan dengan sebaik-baik cara tanpa mengambilkira sebab perceraian itu sama ada ia datang dari pihak suami ataupun dari pihak isteri. Dalam konteks ini, andainya perceraian itu disebabkan oleh pihak suami maka selain daripada mendapat hak-hak material yang lain dengan sebab perceraian itu, isteri juga berhak mendapat *mut'ah*. Manakala, dari segi jumlah atau kadar *mut'ah* tersebut, ia terserahlah kepada (ijtihad) Hakim menilaikannya setelah mengambilkira keadaan kedua-

dua belah pihak iaitu dari segi kedudukan kewangan suami, sumbangan dan pengorbanan isteri terhadap suami serta taraf atau kedudukan isteri dalam masyarakat.

Nota Hujung

- ¹ Ibn Qudamah, *al-Mughnī*. Riyadh: Maktabat al-Riyādh al-Hadīthah, juz. 7, 1981, hal.240
- ² Qurṭubī, *Jāmi' li-Aḥkām al-Qur'ān*. Kaherah: Maktabat wa Maṭba'at Dār al-Kutub al-Miṣriyah, jil.2, 1968, hal.201
- ³ Muḥammad ibn Aḥmad al-Syafi'i, *Nihāyat al-Muhtāj ila Syarh al-Minhaj*. Mesir: Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādiḥ, juz. 6, 1967, hal.365
- ⁴ Syafi'i, *Bulūghul Marām*. Ter. Muhammad Sjarief Sukandi . Singapore: al-Haramain Pte. Ltd, 1981, hal. 383
- ⁵ Qurṭubī, *op.cit.*, hal. 202. Lihat juga Hamka, *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional, Juz. 2, 1982, hal. 249
- ⁶ Ibid.
- ⁷ Asaf A.A Fyze, *A Compendium of Fatimid Law*. Simla: Indian Institute of Advanced Study, 1969, hal. 67
- ⁸ Qurṭubī, *op.cit.*, hal.201
- ⁹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Andalūs, jil. 1, 1966, hal.139. Lihat juga Ibn Humām, *Fath al-Qadīr 'ala al-Hidāyah*. Mesir: Maṭba'at al-Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādiḥ, 1970, hal.253
- ¹⁰ Ibn Juzāyy, *Qawānīn al-Aḥkām al-Syar'iyah*. Beirut: Dār al-'Ilm al-Malayin, cet. 2, 1968, hal. 217.
- ¹¹ Ibid.
- ¹² Qurṭubī, *op.cit.*, jil. 2, 1968, hal. 201
- ¹³ Ibid.
- ¹⁴ Ibn Qudamah, *op.cit.*, jilid 8, hal. 52.
- ¹⁵ Anṣārī, *Fath al-Wahhāb*. Mesir: Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādiḥ, juz. 2, (t.t), hal.61. Lihat juga Syirbinī, *Mughnī al-Muhtāj*. Kaherah: Maktabat wa Maṭba'at Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi wa Awlādiḥ, juz. 3, 1958, hal. 241.
- ¹⁶ Syatā, *Ḥasyiyat l'ānat al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār lhyā' al-Kutub al-'Imiyah, juz. 3, 1995, hal.357. Lihat juga Qurṭubī, *op.cit.*
- ¹⁷ Ibn 'Abidīn, *Ḥasyiyat Radd al-Muhtār*. Beirut: Dār al-Fikr, juz. 2, 1979, hal. 110.
- ¹⁸ Ibn Qudamah, *op.cit.*, juz. 7, 1966, hal.242
- ¹⁹ Qurṭubī, *op.cit.*
- ²⁰ Ibn 'Abidīn, *op.cit.*
- ²¹ Ibid.
- ²² Ibn Qudamah, *op.cit.*, hal. 717. Lihat juga Ḥusaynī, *Kifāyat al-Akhyār*. Bandung: Syarikat al-Ma'rif al-Tabi' wa al-Nashr, juz. 2, (t.t), hal 67-68
- ²³ Syatā, *op. cit.*
- ²⁴ Anṣārī, *op.cit.*, juz. 1, (t.t), hal. 61
- ²⁵ Ibn Qudamah, *op.cit.*, juz. 8, hal. 52.
- ²⁶ Ḥusaynī, *op.cit.*, hal.68
- ²⁷ Syirbinī, *op. cit.*
- ²⁸ Ibn Rusyd, *Bidāyat al-Mujtahid*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, jil. 2, cetakan ke-5, 1981, hal. 112.
- ²⁹ Syirbinī, *op.cit.*, juz. 3, hal. 303
- ³⁰ Ibid, hal. 243
- ³¹ Hamka, *op.cit.*, hal. 250.
- ³² Badrān Abū al-'Aynayn, *al-Zawāj wa al-Ṭalāq fī al-Islām*. Iskandariah: Muassasat Syabāb al-Jāmi'ah, 1985, hal. 91.
- ³³ Al-Hassan bin Yūsuf al-Muntahhār al-Hullīyy, *Fiqh Lima Mazhab di Antara Nas dan Ijtihad* ter. Dr. Lutpi Ibrahim, Selangor: Al-Wahdah Publications, 1993, hal.109.
- ³⁴ Qurṭubī, *op.cit.*
- ³⁵ Ibn 'Abidīn, *op.cit.*, hal.111
- ³⁶ Nawawī, *al-Majmū'ah Syarḥ al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr, juz. 16, 1970, hal. 390.

- ³⁷ Ibn Qudamah, op.cit., hal. 239
- ³⁸ Fīrūzabadī al-Syirāzī, *al-Muhadhdhab*. Mesir: Matba'at 'Isā al-Bābī al-Halabī, juz. 2, 1976, hal. 63.
- ³⁹ Syatā, op.cit., Jil. 3, hal. 595-596
- ⁴⁰ Husaynī, op.cit., juz. 2, hal. 67
- ⁴¹ Badrān Abū al-'Aynayn, op. cit., hal. 215.
- ⁴² Ibid
- ⁴³ Husaynī, op.cit., juz.1, hal. 67
- ⁴⁴ Syirbinī, op.cit., juz. 3, hal. 241-242. Lihat juga Anṣārī, *Ḥamiṣ Matan al-Minhāj*. Indonesia: Syarikat al-Ma'rif al-Tab'i wa al-Nashr, (t.t), hal. 86.
- ⁴⁵ Ibid. hal. 161.
- ⁴⁶ M. Abdul Mujieb, *Kamus Istilah Fiqh*. Malaysia: Advance Publications,, cetakan 1, 1997, hal.175-176
- ⁴⁷ Mālik bin Anas, *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1994, hal. 120.
- ⁴⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr, juz. 7, cetakan ke-11, 1984, hal. 318. Lihat juga Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*. Mesir: Maktabat al-Jumhūriyyat al-'Arabiyah, juz. 3, 1969, hal. 245
- ⁴⁹ Qurṭubī, op.cit., hal. 201
- ⁵⁰ Ibn Qudamah, op.cit., juz. 7, hal. 585.
- ⁵¹ Syatībī, *al-Muwāfaqat fī Usūl al-Syarī'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, juz. 4, 1991, hal. 28-30. Rujuk Raihanah Hj Abdullah, "Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh", *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, jilid 5, 1997, hal.53.
- ⁵² Siti Zalikah Md. Noor, *Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996, hal. 74
- ⁵³ Nawāwī, op.cit., juz.16, hal.387.
- ⁵⁴ Muḥammad Muḥyi al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd, *al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah*. Mesir: Dār al-Sa'adah, cetakan 3, 1966, hal. 160.
- ⁵⁵ Ibid
- ⁵⁶ Ibid
- ⁵⁷ Ibid
- ⁵⁸ Ibn al-Murtaḍā, *Kitāb al-Baḥr al-Zakhkhar*. Beirut: Muassasat al-Risālah, cetakan 5, 1975, hal. 60.
- ⁵⁹ Al-Bustānī, *Kitāb Muḥiṭ al-Muḥiṭ*. Beirut: Maktabah Lubnan, 1960, hal. 837.
- ⁶⁰ Hamka, op.cit. hal.259
- ⁶¹ Zaleha Kamaruddin, "Hak Wanita Di Dalam Undang-Undang Keluarga: Antara Reformasi Dan Realiti", dalam *Al-Ahkam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 6, 1998, hal. 119.
- ⁶² Hassan Salleh, *Asas Kekeluargaan Islam Bahasan Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989 hal. 157.
- ⁶³ Zaleha Kamaruddin, op.cit.